

17 OCT 1996

LADA TIDAK BERI KEBENARAN KUTIP DERMA

LANGKAWI, 17 Okt (Bernama) -- Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) hari ini mengingatkan orang ramai agar berhati-hati terhadap kumpulan tertentu yang mengutip wang kononnya untuk tujuan iklan sempena pembukaan rasmi kompleksnya minggu depan.

Mereka yang telah didatangi kumpulan itu hendaklah menghubungi pihak berkuasa kerana LADA tidak pernah melantik sesiapa atau membenarkan orang ramai mengutip wang bagi pihak LADA, kata pegawai perhubungan awam LADA Mohd Hatta Said.

Sambil menyebut LADA setakat ini telah menerima lima aduan, beliau berkata penjelasan ini tidak ada kaitan dengan usaha beberapa akhbar untuk menjual ruang iklan dalam akhbar masing-masing sempena perasmian itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan serentak kompleks berharga RM33 juta itu, Dataran Lang dan Legenda Langkawi Dalam Taman pada Rabu depan.

-- BERNAMA

ZAA AHH